

MASJID MENJANA POTENSI BELIA ISLAM: KAJIAN MASJID AL-FALAH SELAT BAGAN NYIOR, LANGKAWI, KEDAH

Mohd Nizho Abdul Rahman
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
E-mel: nizho@uum.edu.my

Azman Md Zain
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
E-mel: manzain@uum.edu.my

Iskandar Adon
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
E-mel: iskan975@uum.edu.my

Norzaliza Ghazali
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
E-mel: zaliza@uum.edu.my

ABSTRAK

Masjid menjana potensi belia Islam. Keperluan masjid perlu dilihat semakin serius ekoran fenomena belia dan remaja hari ini yang berhadapan dengan pelbagai isu berkaitan akidah, syariat, akhlak, politik, kekeluargaan, penghayatan Islam, sosial dan media. Ini sebagai persediaan dalam mendepani segala cabaran yang berlaku. Institusi masjid berfungsi membangunkan potensi belia Islam melalui usaha pemerkasaan peranan masjid sebagai pusat kegiatan dakwah berbentuk keilmuan dan kegiatan keislaman, pusat kebajikan dan kaunseling, pusat teknologi maklumat (ICT), pusat kegiatan wanita, remaja dan kanak-kanak, serta nadi ekonomi dalam masyarakat setempat. Kajian ini dijalankan untuk melihat masjid sebagai pusat kegiatan dakwah dalam menangani masalah sosial yang berlaku di Kampung Selat Bagan Nyior, Langkawi. Fokus kajian adalah dengan meneliti program-program dakwah yang diadakan di Masjid Al-Falah terutamanya yang berkaitan dengan belia. Kajian kualitatif yang melibatkan pemerhatian dan temu bual berstruktur dengan pihak yang berautoriti seperti Imam, Jabatan Agama Islam, Daerah Langkawi, pihak polis dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dilakukan untuk mendapatkan data yang tepat. Hasil kajian mendapati dengan pelaksanaan program-program dakwah yang telah diadakan di masjid Al-Falah mampu menangani masalah gejala sosial yang berlaku dalam kalangan belia Islam dan membentuk potensi belia Islam yang unggul sebagai pewaris dan pemimpin masa depan.

Kata kunci: Masjid; dakwah; potensi dan belia Islam.

1. PENGENALAN

“Tidaklah seseorang pergi ke masjid untuk solat, melainkan Allah S.A.W bergembira menyambutnya sejak dia keluar dari rumah, seperti gembiranya seseorang yang menyambut tetamu yang lama tidak berjumpa.” (Ibn Majah)

Agama Islam mengiktiraf masjid sebagai sebuah institusi yang mampu membentuk jati diri masyarakat Islam. Masjid merupakan sebuah institusi yang menjadi teras kepada pembangunan masyarakat. Asas pembinaan masjid iaitu niat yang luhur kerana Allah S.W.T dan takwa kepada-Nya. Ini ditegaskan dalam Al-Quran sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Sesungguhnya masjid yang diasaskan di atas dasar taqwa semenjak hari pertama ia didirikan adalah lebih berhak untuk engkau (wahai Muhammad) menunaikan sembahyang padanya” (Surah al-Tawbah, 9, 108). ”

Sehubungan itu, peranan yang dijalankan oleh institusi ini dalam sejarah awal perkembangan Islam amat besar sehinggakan semua aktiviti penting terdapat di masjid. Di Tanah Melayu, kepentingan masjid dalam memperkembangkan syiar Islam terutama di Nusantara dapat dilihat pada zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka. Masjid memainkan peranan penting sebagai pusat pembelajaran dan juga penyebaran agama Islam di mana terdapat ramai para pelajar tempatan mahupun dari luar Melaka datang menuntut ilmu (Abdullah Ishak, 1990).

Masjid secara bahasa bermakna tempat untuk sujud. Dari segi istilah, masjid ialah rumah yang dibangunkan untuk menyembah Allah S.W.T dan bersujud di dalamnya. Dalam Islam, masjid mempunyai kedudukan yang sangat penting. Ia adalah tempat di muka bumi yang paling dicintai oleh Allah S.W.T. Rasulullah S.A.W bersabda: Tempat yang paling Allah cintai ialah masjid-masjidnya. Dan tempat yang paling Allah benci ialah pasar-pasarnya (Riwayat Muslim). Justeru, setiap muslim mesti menjadikan masjid sebagai rumah kedua dan melazimkan diri untuk selalu hadir melaksanakan solat lima waktu di dalamnya dan menghadiri majlis-majlis ilmu yang dianjurkan kerana memakmurkan masjid adalah salah satu tanda iman dan penyebab cinta Allah S.W.T.

1.1 Latar Belakang Penyelidikan

Masjid merupakan asas utama kepada kemunculan dan perkembangan agama Islam di sesuatu tempat. Kepentingan kewujudan masjid dapat dikenalpasti pada peringkat awal kemunculan Islam di mana Rasulullah S.A.W telah mempelbagaikan peranan yang boleh dilakukan oleh masjid sebagai pusat perkembangan peradaban manusia (Sidi Gazalba 1994). Menurut sejarah, antara masjid terawal didirikan dalam Islam adalah Masjid Quba', Masjid al-Mirbad dan Masjid al-Nabawi di Madinah (Ibn Hisyam 2014). Peranan yang pernah dilaksanakan oleh masjid-masjid tersebut adalah menjadi pusat ibadat, pusat pemerintahan dan pentadbiran negara, pusat kehakiman dan perbicaraan, pusat pendidikan dan banyak lagi. Sehubungan itu, artikel ini akan membincangkan peranan di salah sebuah masjid yang terdapat di Pulau Dayang Bunting Langkawi iaitu Masjid Al-Falah dalam menjana potensi belia Islam.

Masyarakat kampung yang majoritinya bekerja sebagai nelayan masih dianggap mundur dan masih terdapat jurang yang besar dalam pembangunan dibandingkan dengan kampung wawasan dan kampung tersusun. Tambahan pula dengan pendedahan budaya asing dan proses globalisasi yang semakin meluas telah memberikan kesan kepada nilai-nilai murni. Gejala sosial dan masalah remaja mengancam bukan sahaja kesejahteraan kampung malahan pembangunan kampung secara keseluruhannya.



Rajah 1: Masjid Al-Falah Selat Bagan Nyior, Langkawi

Masjid merupakan tempat untuk melaksanakan pendidikan rohani dan jasmani khususnya dalam menjana potensi belia Islam dalam usaha memperkukuhkan akidah dan keimanan mereka. Kepelbagaian program yang bersesuaian adalah perlu untuk membina generasi muda yang mempunyai kemandirian peribadi, keimanan yang teguh serta ilmu pengetahuan yang baik.

2. METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan maklumat adalah dari kedua-dua sumber primer dan sekunder. Sumber primer adalah melalui kajian lapangan, manakala sumber sekunder adalah melalui pengumpulan maklumat-maklumat dari institusi berkaitan. Pemilihan kawasan kajian adalah kerana pulau ini memerlukan bantuan dari pelbagai aspek. Selain itu, Selat berkedudukan terpinggir dari pulau besar Langkawi dan hanya bergantung kepada pentadbiran yang berpusat di pulau besar Langkawi. Dalam kedudukan kekurangan modal dan tenaga terlatih, ditambah pula dengan sumber-sumber terhad, maka pelbagai masalah sosial berlaku. Masjid menjadi pusat tumpuan utama aktiviti dan dilihat memainkan peranan penting dalam menjana potensi belia di pulau tersebut.

3. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Masjid Al-Falah, Selat telah menjalankan banyak aktiviti yang dapat memberi manfaat khususnya kepada anak muda. Aktiviti-aktiviti ini boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian seperti aktiviti ibadat, kesenian, riadah, ekonomi dan aktiviti keilmuan. Terdapat program-program yang dijalankan setiap hari (program harian), yang bersifat mingguan dan ada program yang dijalankan berdasarkan kepada sambutan hari-hari kebesaran yang tertentu di dalam agama Islam. Jamalia et al. (2017) mengetengahkan beberapa perkara dalam menjadikan masjid mesra remaja. Antaranya ialah keterlibatan golongan remaja dalam menggerakkan aktiviti masjid. Potensi dan kelebihan yang ada pada mereka haruslah dimanfaatkan sebaiknya terutamanya dalam menguruskan teknologi pada hari ini. Sehubungan itu, artikel ini memfokuskan tiga perkara iaitu:

3.1 Pengukuhan jati diri belia Islam melalui program ibadah dan keagamaan

Secara umumnya, masjid berfungsi sebagai pusat ibadat. Dalam proses mendekatkan diri kepada Allah S.W.T, masjid merupakan institusi paling suci dalam agama Islam yang menjadi tempat untuk umatnya berbuat demikian. Firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Jin ayat 18 maksudnya:

"Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (Ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapa pun bersama-sama Allah."

Dalam ayat di atas, Allah menjelaskan bahawa masjid adalah untuk beribadah dan mengiktiraf sifat uluhiyyah dan rububiyyah-Nya. Tetapi ia bukan sahaja tertumpu pada solat fardhu dan sunat malahan aktiviti yang berunsurkan ibadah juga diterapkan oleh jawatankuasa masjid. Antara ibadah-ibadah yang dilakukan di masjid ialah solat fardu berjemaah, solat Jumaat, solat-solat sunat, solat jenazah, bacaan al-Quran serta amalan-amalan zikir dan wirid. Masjid sebagai institusi ibadah dapat membangunkan kualiti peribadi secara menyeluruh terutama dalam aspek pembangunan sahsiah, akhlak dan kerohanian. Amalan solat berjemaah secara tidak langsung dapat melatih seseorang itu berdisiplin dan menepati waktu. Sembahyang secara berjemaah terutamanya di masjid juga merupakan salah satu tuntutan yang sangat penting dalam agama Islam. Selain itu, aktiviti seperti beriktikaf, membaca al-Quran, berzikir dan seumpamanya turut dilaksanakan di masjid ini. Setiap malam Jumaat juga diadakan majlis bacaan Yassin bersama anak kariah. Manakala Al-Fadhil Ustaz Salam juga mengadakan kuliah Tauhid dan Fekah pada setiap malam Selasa. Program-program ini dapat mengukuhkan jati diri Melayu Islam dalam kalangan belia apabila mereka diberi kepercayaan

menjadi imam dan bilal serta memikul tanggungjawab sebagai salah seorang ahli jawatankuasa masjid.



Rajah 2: Solat berjemaah

3.2 Pengukuhan kemahiran insaniah melalui program keilmuan

Masjid dalam sejarah tamadun Islam bukan sekadar tempat solat. Ia juga tempat penyebaran ilmu dan pengembangan intelektual umat. Para sahabat mendapat ilmu dan tarbiyyah daripada Rasulullah S.A.W di masjid. Mereka memperolehi pelbagai ilmu pengetahuan di masjid sehingga mampu menjadi pemimpin Islam yang agung, berjuang untuk menegakkan Islam dan menyebarkannya ke seluruh pelusuk dunia. Tradisi menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu dapat dilihat pada zaman-zaman permulaan Islam hingga ke hari ini. Sebagai contoh, Masjid al-Haram, Masjid al-Nabawi dan Masjid Al-Azhar tetap unggul menjadi pusat penyebaran Islam hingga sekarang (Mushaddad Hasbullah 2007). Ketika berada di Madinah, Rasulullah S.A.W telah menjadikan masjid Nabawi sebagai pusat penyebaran ilmu kepada umat Islam sekitarnya dan delegasi-delegasi yang datang dari luar. Proses pembelajaran ini berlaku samada melalui mimbar masjid mahupun halaqah-halaqah ilmu yang diadakan. Menurut M. Hamidullah (1939) yang memetik kata-kata Ibn Abd Barr bahawa Rasulullah S.A.W sendiri telah mengajar dan menyelia secara langsung aktiviti pengajaran dan pendidikan di masjid. Institusi tersebut telah digunakan sepenuhnya sebagai pusat pendidikan dan ia dilaksanakan secara intensif. Begitu juga dengan para sahabat nabi yang sentiasa menjadikan masjid Nabawi dan masjid-masjid yang dibina di wilayah-wilayah yang baru dibuka oleh mereka sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan.

Masjid sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan merupakan satu kesinambungan yang ditetapkan oleh Islam terhadap keperluan pembinaan sesebuah masjid. Penganjuran majlis-majlis ilmu yang berbentuk samada harian, mingguan, bulanan mahupun tahunan memperlihatkan kesedaran yang tinggi terhadap keperluan tersebut. Antara program yang dianjurkan masjid Al-Falah bersama Jabatan Mufti Kedah iaitu tentang kepentingan ilmu falak. Program cerapan objek angkasa langit malam, menarik perhatian anak muda. Ilmu falak merupakan salah satu ilmu yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Ilmu Falak adalah ilmu yang mengkaji perjalanan cakerawala seperti bumi, bulan, matahari dan bintang-bintang. Ini adalah sebagai bukti tanda kewujudan Allah S.W.T dan mengagungkan kebesaran-Nya. Dengan adanya program seumpama ini, ia memberi peluang kepada generasi muda dapat berfikir dan berpeluang menggunakan teleskop melihat sendiri kebesaran dan keagungan Allah S.W.T. Temu bual bersama Tok Imam juga memberi kefahaman yang sama bahawa anak muda meminati program yang bercorak sebegini:

Tok Imam: Apabila kita anjurkan program cerapan ni, sambutan hebat, tambahan pula Jabatan Mufti bawa teleskop dari Aloq Staq menarik minat anak muda melihat alat

tersebut dengan lebih dekat. Peluang menggunakan teleskop digunakan sebaik mungkin oleh mereka. Manalah tau ada yang berminat menjadi ahli astronomi (R1, 2023, hlm. 10)



Rajah 3: Program Al-Falaq

Melalui kursus pengurusan jenazah, anak muda kampung ini didedahkan dengan cara-cara untuk menguruskan jenazah dengan betul dan penggunaan teknologi oleh penceramah jemputan dari luar juga menarik minat peserta. Program mendapat sambutan yang baik. Secara tidak langsung anak muda yang terlibat dapat memahami dan mampu menguruskan jenazah apabila berlakunya kematian. Sesungguhnya, program-program pendidikan secara formal atau tidak formal memerlukan pemeraksanaan. Ini sebagai persediaan bagi anggota masyarakat dalam mendepani segala cabaran yang berlaku.



Rajah 4: Kursus Pengurusan Jenazah

3.3 Pemantapan akhlak Islam melalui program kemasyarakatan

Perlaksanaan aktiviti masjid seharusnya sentiasa dekat dengan masyarakat. Aktiviti seperti gotong-royong membersihkan persekitaran masjid, memberi bantuan kepada fakir miskin, ibu tunggal melalui tabung masjid dan mengadakan program memasak bubur asyura dapat merapatkan ukhuwah sesama masyarakat setempat. Aktiviti sebegini mampu memberi pengalaman kepada anak muda untuk bekerjasama dengan masyarakat menyediakan peralatan dan memasak bubur asyura. Secara tidak langsung, akhlak yang baik seperti menghormati orang yang lebih dewasa, sabar, bekerjasama bergotong-royong menjadi amalan yang berterusan dalam kalangan anak muda.



Rajah 5: Program Gotong-royong Asyura

Majlis yang diadakan di masjid akan mendapat keberkatan Allah S.W.T. Masjid merupakan tempat berkumpul masyarakat Islam sama ada untuk beribadat ataupun melakukan aktiviti sosial. Melalui masjid, perasaan kasih sayang dapat disemai. Individu yang memakmurkan masjid ialah orang Islam yang sentiasa patuh kepada perintah Allah S.W.T. Sehubungan itu, imam dan pegawai-pegawai masjid perlu menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan dengan baik untuk memastikan program yang dilaksanakan mendapat sambutan yang baik daripada ahli kariah. Berdasarkan temu bual yang dilakukan, imam juga menyedari peranan beliau untuk menasihati anak buah:

Tok Imam: Peranan sebagai tok imam dan ketua masyarakat kena tengok dari semua segi halal dan haram. Lagi-lagi sekarang ni dah ada chalet-chalet ni mudah untuk anak-anak muda dari luar mengambil kesempatan. Kita pun boleh nampak mereka dah kahwin atau belum lagi berkahwin. Tetapi buat masa ini tiada lagi masalah seperti itu berlaku di sini (R1, 2023, hlm.2)

Masjid mesti menarik minat anak muda untuk menyertai pelbagai program pengimaran yang dianjurkan. Perkara paling penting adalah dengan memahami aspirasi atau kehendak sebenar golongan berkenaan. Pihak masjid boleh melakukan tinjauan terhadap keperluan untuk mewujudkan persekitaran yang sesuai dengan generasi muda seperti jaringan internet, ruang riadah dan rekreasi, Program pengimaran masjid harus bersifat mesra kepada golongan muda. Selain itu, penceramah undangan yang mempunyai gaya penyampaian yang menarik minat anak muda. Mereka juga boleh dilibatkan sebagai ahli jawatankuasa atau turut menyumbangkan idea dan pandangan dalam sebarang perancangan program dan aktiviti masjid.

4. KESIMPULAN

Masjid dilihat sebagai sebuah institusi yang berpengaruh dalam membasmi masalah sosial. Ia berpunca daripada tuntutan hidup yang semakin mencabar, keadaan ekonomi yang semakin tidak menentu menjadikan seseorang individu yang lemah iman sanggup melakukan sesuatu yang dilarang agama. Pengerusi masjid boleh membangunkan program dan inisiatif baharu untuk mengeratkan ukhwah dalam kalangan komuniti setempat dan mengurangkan gejala sosial. Pihak pengurusan masjid boleh mendapatkan sumber dana agensi kerajaan (Jabatan Agama dan Kebajikan Malaysia, Majlis Agama Islam Kedah, Lembaga Zakat Negeri Kedah) untuk membiayai program yang dirancang seperti agihan makanan percuma, ceramah secara berkala, kursus jangka pendek aplikasi teknologi maklumat dalam media sosial untuk pembelajaran dan penjana ekonomi baharu. Keterlibatan daripada semua pihak ini mampu mengimarahkan masjid sebagai pusat komuniti berkesan dalam menggilap potensi belia Islam mendepani cabaran masa kini.

5. PENGHARGAAN

Penyelidikan ini mendapat dana Geran Universiti (Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Kod S/O 21404)

6. RUJUKAN

- Azlan Abd. Rahman dan Rashidi Abbas. (2018). Persepsi masyarakat terhadap program pengimaran masjid di Negeri Pahang: Satu analisis. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1(2), hlm. 16-26.
- Nasoha Saabin. (2001). *Memartabatkan masjid*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nor Rosmawati Abdul Karim. (2016). Faktor yang mempengaruhi kecenderungan masyarakat dalam mengimarkan masjid. Persidangan ICIER 2016, Langkawi.
- Saharizah binti Mohamad Salleh dan Abdul Munir bin Ismail. (2018). Tahap keaktifan aktiviti dakwah remaja di Masjid-Masjid Negeri Selangor: Satu tinjauan. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*. Bil. 2, No. 1.
- Sidi Gazalba. (1994). *Masjid pusat ibadat dan kebudayaan Islam*. Cetakan ke-4 Jakarta: Penerbit Al-Husna Baru.